

Kekaumas berjaya adakan program Sembang Santai bersama No'man

NST 23.2.2018 5

KOTA KINABALU: Barisan kepimpinan Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas) yang baharu diterajui oleh Abdul Jalil Sapli berjaya mengadakan program Sembang Santai bersama Pendaftar Universiti Malaysia Sabah, No'man Datuk Haji Ahmad, di Dewan Galeri, Selasa lalu.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) Abdul Jalil berkata program itu adalah salah satu program terbesar yang diadakan pada awal tahun 2018.

Beliau berkata walaupun program itu telah ditunda beberapa kali pelaksanaannya namun dengan kerjasama yang padu daripada kalangan barisan exco bersama beberapa orang pegawai pengurusan universiti akhirnya dapat juga diadakan dengan jayanya.

Penganjuran Sembang Santai Bersama Pendaftar dianjurkan adalah khusus kepada semua staf pelaksana I dan II yang bertugas di UMS sama ada yang sudah menjadi ahli ataupun yang belum menjadi ahli.

Katanya, harapan pihak Kesatuan agar pada program berkenaan semua staf akan lebih memahami penjelasan yang diberikan oleh Pendaftar UMS berhubung beberapa perkara yang berkaitan dengan Kesatuan dan perkhidmatan.

Jalil berharap kepada mana-mana staf yang rela hati memasuki Kesatuan adalah dialu-alukan dengan mengisi borang yang telah disediakan.

Perkara ini adalah bertujuan memperkuatkan lagi pihak Kesatuan untuk menyuarakan hak pihak pelaksana dengan lebih mudah.

Dalam sembang santai itu, No'man telah memulakan sembang beliau dengan meru-



JASAMU DI KENANGAN... No'man menyampaikan cenderahati Kekaumas Jasamu Dikenang kepada Amat Jutrah sambil diperhati Abd Jalil (dua kiri).

juk apakah peranan Kesatuan ditubuhkan di Universiti Malaysia Sabah.

Beliau memulakan dengan sejarah penubuhan Kesatuan di UMS pada tahun 1998 yang telah ditubuhkan oleh beberapa orang jawatankuasa penaja pada masa itu yang diterajui oleh Amat Jutrah Haji Musnih sebagai Pengerusi, Nurul Jasmin sebagai Setiausaha dan Jidch Jurin sebagai Bendahari.

Selain itu, 5 orang Ahli Jawatankuasa Kerja iaitu Ahmad Manik, Hasan Insi, Rusiah Yaakob dan Mariane Kuntong membuat perancangan dan membuat draf peraturan Kesatuan untuk didaftarkan ke Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja di bawah

Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Walaupun berlanjutan beberapa tahun akhirnya ianya telah berjaya didaftarkan pada 12 Februari 2001.

No'man berkata semasa penubuhan kesatuan itu jumlah kakitangan yang memohon menjadi ahli hanya seramai 93 orang sahaja berbanding jumlah ahli sekarang sudah melebihi 653 orang sejak 18 tahun yang lalu daripada jumlah keseluruhan staf.

Perjuangan Kekaumas bukanlah perjuangan peribadi malah ianya lebih banyak memperjuangkan hak-hak pekerja yang dibawa bersama pihak pengurusan tertinggi.